



**BORANG SUMBANGAN / KEBENARAN POTONGAN GAJI UNTUK
TABUNG SUMBANGAN DANA WARGA UMS**

“BUDI MERENTAS ZAMAN”

A. MAKLUMAT PERIBADI (Sila isi ruangan ini dengan lengkap)

1. NAMA :
2. NO. PEKERJA :
3. NO. KAD PENGENALAN :
4. JAWATAN :
5. J/F/P/I/U :
6. NO. TELEFON PEJ :
7. NO. TELEFON BIMBIT :

B. MAKLUMAT SUMBANGAN

Sila tandakan ✓ dalam kotak yang berkenaan :

- Bersama-sama ini dikepilkkan wang tunai / wang pos / cek berpaling dengan nombor _____ di atas nama Bendahari, Universiti Malaysia Sabah berjumlah RM _____ untuk sumbangan kepada TABUNG SUMBANGAN DANA WARGA UMS.
- Saya ingin memberikan sumbangan bulanan kepada TABUNG SUMBANGAN DANA WARGA UMS berjumlah:
- RM 10.00
 - RM 30.00
 - RM 50.00
 - RM100.00
 - Lain-lain: RM _____

Sila buat potongan gaji bermula dari gaji bulan _____ tahun _____ sehingga arahan pemberhentian diberikan.

C. PERAKUAN SUMBANGAN BULANAN

- Dengan ini saya bersetuju bahawa gaji bulanan saya akan dipotong seperti di atas untuk tujuan sumbangan kepada TABUNG SUMBANGAN DANA WARGA UMS.

Yang ikhlas,

Tandatangan

Tarikh:

Nota: Jabatan Bendahari akan keluarkan resit secara tahunan untuk tujuan pengecualian cukai pendapatan.

Tabung Sumbangan Dana Warga UMS
Jasamu Dihargai dan Dikenang
“BUDI MERENTAS ZAMAN”

‘BUDI MERENTAS ZAMAN’

“It all starts with you whereby it begins with a seed when it planted and nurtured. After that it grows into a mighty oak providing shelter, food and resources.”

Tindakan murni yang kecil boleh membawa impak positif berpanjangan di luar jangkaan anda. Semuanya bermula dengan hati suci anda untuk membantu dan menderma. Sumbangan dana anda akan memanfaatkan banyak generasi secara mapan yang akan sentiasa dihargai dan dikenang selamanya.

Sumbangan Endowmen

UMS mensasarkan untuk mencapai kuasa autonomi selaras dengan sasaran penjana pendapatan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, UMS amat memerlukan kerangka kewangan yang mapan untuk memastikan peningkatan kualiti secara berterusan serta pengiktirafan global selaras dengan visi dan misi yang ditetapkan.

Sumbangan endowmen memberi impak jangka panjang kepada UMS, iaitu dapat meneguhkan dan memantapkan kesarjanaan UMS. Ia akan kekal selama UMS wujud kerana setiap sumbangan yang diperolehi akan dilaburkan di mana hanya keuntungan pelaburan yang dijana akan digunakan manakala modal (sumbangan) tidak akan digunakan mengikut persetujuan penderma.

Selaras dengan ini, sumbangan ikhlas ini akan menjadi lebih bermakna. Ia berkekalan sebagai pelapis untuk pendidikan anak bangsa dan generasi seterusnya bagi tujuan pembangunan negara dan sejagat.

Carta Aliran Proses Sumbangan

Seksyen Endowmen mengedarkan borang melalui pelbagai cara



Pengisian borang oleh warga UMS



Borang diterima oleh Seksyen Endowmen



Borang diproses



Senarai nama dihantar ke Jabatan Bendahari untuk mengeluarkan resit atau melalui potongan gaji sebelum 10hb setiap bulan.

(Jika terima selepas 10hb, borang akan dibawa ke bulan hadapan)



Jabatan Bendahari akan mengeluarkan resit secara tahunan jika sumbangan dibuat menerusi kaedah potongan gaji



Selesai

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Seksyen Endowmen, Pusat Jaringan Industri dan Komuniti, Aras 1, Bangunan Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS, Jalan UMS, 84000 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Tel: 6088-320000 samb 612502
Faks: 6088-320154

SOALAN-SOALAN LAZIM

Mengapa menyumbang kepada Tabung Sumbangan Dana Warga UMS?

Sumbangan ini akan digunakan untuk jangka masa pendek dan panjang bagi tujuan pemberian biasiswa kepada pelajar UMS, sama ada di peringkat prasiswazah atau pascasiswazah. Setiap sumbangan akan memberi manfaat kepada pelajar yang ingin menuntut ilmu demi masa depan yang cerah. Langkah ini juga akan memupuk dan merangsang masyarakat luar untuk menyumbang kepada UMS. Di samping itu, penderma boleh menikmati pengecualian cukai pendapatan mengikut peraturan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Bagaimanakah sumbangan dana ini akan digunakan?

Sebanyak 50% sumbangan yang diterima akan dijadikan sumbangan endowmen untuk impak jangka panjang, iaitu jumlah berkenaan akan dilaburkan dan hanya pulangan keuntungan digunakan untuk pemberian biasiswa, manakala 50% lagi akan digunakan terus untuk pemberian biasiswa pelajar, yakni impak jangka pendek mudah dinikmati.

Bagaimanakah tabung ini akan diuruskan?

Suatu Jawatankuasa Pemegang Amanah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UMS akan menguruskan tabung ini mengikut garis panduan Jawatankuasa Pelaburan dan Penjana Pendapatan UMS dan Jawatankuasa berkaitan dengan Biasiswa UMS di samping mematuhi peraturan kewangan.